



## Konsep al-Fala:h (Cemerlang) dalam al-Quran sebagai Asas Transformasi Pendidikan Tinggi

Asjad Mohamed  
Mohd Kamal Azman Jusoh  
Saiful Johari Musahar

### ABSTRAK

*Kecemerlangan merupakan tuntutan Islam yang utama ke atas setiap individu muslim dalam semua aspek kehidupan. Ia juga adalah perkara yang sinonim dengan dunia akademik. Persoalannya adakah kecemerlangan yang berhasil di institusi akademik pada hari ini menepati piawaian kecemerlangan menurut perspektif Islam. Berdasarkan indeks, terdapat sebanyak 40 pengulangan perkataan al-fala:h dalam al-Quran yang menyentuh ciri-ciri kecemerlangan serta beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Allah SWT menerangkan kepada manusia tentang budaya cemerlang yang perlu diamalkan dan budaya negatif yang perlu dijauhi oleh mereka. Cemerlang dalam sesuatu pekerjaan pada pandangan segelintir masyarakat belum tentu benar dan positif berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk dari al-Quran. Fokus utama kajian ini mengajak semua ahli akademik supaya menghayati konsep kecemerlangan dalam tugasannya berdasarkan kepada konsep al-fala:h dalam al-Quran. Kajian ini juga meneliti ciri-ciri insan cemerlang yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah S.W.T.. sebagai garis panduan kepada seluruh hamba-Nya. Kefahaman dan penghayatan terhadap konsep kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kepada al-Quran pasti memberi impak yang positif ke arah pembangunan dunia akademik.*

**Kata Kunci :** Al-fala:h, dunia akademik, perspektif Islam.

### Pendahuluan

Kecemerlangan merupakan suatu aras pencapaian khidmat, kualiti pengeluaran dan sebagainya yang mencecah piawaian tertentu, samada kepuasan pelanggan, pekerja mahupun majikan. Kecemerlangan selalunya dikaitkan dengan nilai-nilai atau ciri-ciri keperibadian tertentu, malah mutu perlaksanaan kerja tertentu yang terbaik dan memuaskan Allah atau manusia pada masa yang tertentu. Ringkaskata kecemerlangan merangkumi sejumlah ciri-ciri keunggulan yang mampu dimiliki oleh sesiapa pun.

Oleh itu, bila membicarakan maksud di atas, huraiannya adalah pelbagai mengikut perspektif dan pandangan yang berbeza. Menurut bahasa motivasi ataupun gaya sastera mahupun pandangan agama ianya sesuatu yang positif dan lambang optimistik. Jadi situasi ini menarik perhatian penulis untuk meneliti perkataan cemerlang (*al-fala:h*) secara umum yang terdapat dalam al-Quran bagi mendedahkan hakikat kecemerlangan sebenar. Berdasarkan indeks, terdapat sebanyak 40 pengulangan perkataan *al-fala:h* dalam al-Quran yang menyentuh ciri-ciri kecemerlangan serta beberapa perkara yang berkaitan dengannya.

## Maksud *Al-Fala:h*

*Al-fala:h* menurut Mu'jam al-Wasit (1989, hal. 699-700 ) ialah :

- i. Beroleh kejayaan
- ii. Berjaya di akhirat

Sebenarnya banyak perkataan dalam bahasa Arab yang juga boleh menunjukkan kecemerlangan seperti perkataan *najaha* dan *fa:za* tetapi Allah yang menurunkan al-Quran apabila menggambarkan tentang kecemerlangan telah memilih perkatan *al-fala:h*. Menurut kajian seorang sarjana Islam al-Ra:ghib al-Asfaha:ni dalam bukunya Mufrada:t Alfa:z Al-Qura:n menyebut *al-fala:h* adalah kecemerlangan yang merangkumi duniawi dan ukhrawi(2005:203). Manakala kecemerlangan di dalam Kamus Dewan (2005) muka surat 262 bermaksud kejayaan, keindahan, keelokan dan kegemilangan. Daripada huraian di atas menunjukkan bahawa Allah Taala bukan sahaja mahu hambaNya cemerlang di dunia sahaja tapi juga cemerlang di akhirat.

## Ciri-Ciri Ahli Akademik Muslim yang Cemerlang dalam Al-Quran

Ciri-ciri ahli akademik muslim yang cemerlang dalam Al Quran boleh dinilaikan dalam aspek kriteria yang berikut:

1. Beriman dengan perkara ghaib, mendirikan solat dan membelanjakan harta di jalan Allah swt.
2. Memiliki kepercayaan yang benar, maklumat yang tepat dan budaya yang sihat
3. Mengajak kepada kebaikan dan melarang dari kemungkaran
4. Menjaga pemakanan agar halal dan suci
5. Bersabar, bersiap sedia dan bertakwa kepada Allah
6. Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.. dan berjihad di jalan-Nya
7. Menjauhkan diri dari maksiat dan syirik.
8. Menjauhi perkara keji dan mempunyai akal fikiran yang bersih.
9. Mempunyai pahala yang banyak dan timbangan kebaikan yang berat
10. Mengingati dan mengenang nikmat Allah
11. Mengikut dan mencontohi Rasulullah s.a.w.
12. Bersifat cekal, tetap pendirian dan banyak mengingati Allah
13. Berjihad dengan harta dan jiwa raga
14. Menunaikan solat, beribadah kepada Allah dan melakukan kebaikan
15. Memiliki iman yang sempurna
16. Memeliha pandangan dan maruah diri
17. Mendengar dan mentaati Allah dan Rasul-Nya
18. Bertaubat, beriman dan beramal soleh
19. Menunaikan hak-hak manusia
20. Menjadi orang yang *muhsin* (orang yang berbuat baik)
21. Tidak mengasihi orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya
22. Bersifat *ithar* (mengutama dan mendahulukan orang lain)
23. Bergerak aktif di muka bumi mencari rezeki kurniaan Allah S.W.T.
24. Bersifat pemurah
25. Menyuci dan membersihkan jiwa

## Beriman dengan Perkara Ghaib, Mendirikan Solat dan Membelanjakan Harta di Jalan Allah S.W.T..

Firman Allah S.W.T.:

{ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لَهُ ذَلِكَ لِلْمُفْتَنِينَ (2) الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقَنَا هُمْ يُنفِقُونَ (3) وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزَلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالآخِرَةِ هُمْ يُوْقَنُونَ (4) أُولَئِكَ عَلَى هُنَّا هُنَّ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (5)} [البقرة: 2-5]

*Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa. (Iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menafakahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelummu serta mereka yakin adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang berjaya. (Al-Baqarah: 2-5).*

Takwa ialah memelihara diri dari siksaan Allah dengan mengikuti segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Manakala iman ialah kepercayaan yang teguh disertai dengan perasaan tunduk serta penyerahan jiwa kepada Allah S.W.T..

Mereka yang beriman kepada Allah, hari akhirat, al-Quran, kitab-kitab sebelumnya, menunaikan solat dan mengeluarkan zakat adalah golongan cemerlang yang berada di dalam hidayah dan cahaya Allah S.W.T.. (Al-Shawkani: 1/59). Seorang yang boleh mengambil manfaat dan hidayah dari al-Quran perlu memiliki hati yang bersih dan sihat.

Ahli akademik yang cemerlang bukan sekadar melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran yang baik dan membuat kajian serta penulisan yang berkualiti, tetapi perkara yang lebih penting melayakkannya diiktiraf sebagai insan *muflih* (cemerlang) ialah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang hamba kepada Allah S.W.T.. Tanggungjawab tersebut terbahagi kepada 2 iaitu tanggungjawab dari sudut hati dan perbuatan. Tanggungjawab hati ialah beriman kepada perkara ghaib seperti beriman kepada Allah dan tanggungjawab perbuatan ialah ibadah yang menggunakan tenaga tubuh badan seperti solat atau ibadah berbentuk harta seperti mengeluarkan zakat.

Pensyarah yang yakin tentang kewujudan perkara ghaib seperti hari akhirat, syurga dan neraka akan mendapat dorongan yang luar biasa untuk terus melaksanakan tugas-tugas akademik dengan lebih sempurna. Tugasan yang dihasilkan dengan baik akan mendatangkan banyak pahala serta melayakkan mereka mendapat kesenangan di akhirat kelak.

## Memiliki Kepercayaan yang Benar, Maklumat yang Tepat dan Budaya yang Sihat

Firman Allah S.W.T.:

{وَلَيْسَ الْبَرُّ بِأَنْ تَأْتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَلَكِنَّ الْبَرُّ مَنْ أَنْقَى وَأَتَوْا الْبَيْتَوْتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَأَنْقَوْا اللَّهَ لِعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .} [البقرة: 189]

...Bukanlah suatu kebijakan (dengan) memasuki rumah-rumah dari belakangnya tetapi kebijakan itu ialah orang yang bertakwa. Dan masuklah ke rumah-rumah itu dari pintu-pintunya. Dan bertakwalah kepada Allah agar kamu berjaya. (al-Baqarah:189)

Allah S.W.T. memerintahkan manusia agar memasuki rumah melalui pintu hadapan dan tidak beriktitikad bahawa masuk melalui pintu belakang itu suatu ibadah atau kebijakan. Allah

juga memperbetulkan gambaran tentang kebijakan dan mengingatkan bahawa kebijakan itu ialah takwa dan bukan suatu kepercayaan atau amalan karut yang tidak berasas.

Meskipun ayat ini memfokuskan tentang kepercayaan karut masyarakat jahiliyyah mengenai cara memasuki rumah melalui pintu belakang, namun dalam konteks yang lebih global ia sebenarnya memberi penumpuan kepada kepentingan memiliki iman yang betul kepada Allah S.W.T. serta maklumat yang tepat mengenai syariat Islam. Sesuatu kebaikan diterima sebagai kebijakan jika ia diiktiraf oleh piawaian yang ditetapkan oleh syarak dengan menepati standad yang ditetapkan. Mafhum ayat ini juga membawa erti bahawa dalam setiap urusan perlu dilaksanakan dengan dengan cara yang mudah dan tidak menyusahkan. (al-Sa'diy: 1/135)

Ahli akademik yang berjaya perlu memiliki keimanan yang mantap terhadap rukun-rukun iman, mempunyai ilmu yang selari dengan tuntutan syariat dan tidak mengamalkan adat kebiasaan atau budaya yang bercanggah dengan Islam. Mereka yang terbelenggu dengan kepercayaan karut dan khurafat tidak bebas bergerak dengan lebih aktif dalam dunia akademik. Perkembangan positif dalam kehidupan mereka menjadi lambat malah tugas akademik banyak terjejas akibat dari kepercayaan yang salah dan tidak mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.. Ini berbeza dengan ahli akademik yang memiliki keimanan yang kuat kepada Allah S.W.T. yang Maha Kuasa. Mereka sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan kerja-kerja akademik serta mengamalkan budaya yang sihat demi mencapai keredhaan-Nya.

### **Mengajak kepada Kebaikan dan Melarang dari Kemungkaran**

Firman Allah S.W.T.:

[وَلَئِنْ كُنْ مُّكْنَمٌ أَمَّةٌ يَذْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ] [آل عمران: 104]

*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar. Merekalah orang-orang yang berjaya. (Ali-Imran: 104)*

Makruf ialah segala perbuatan yang mendekatkan diri manusia kepada Allah S.W.T.. manakala mungkar ialah segala perbuatan yang menjauhkan daripada-Nya. Tanggungjawab golongan yang menjalankan tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* adalah sangat penting bagi menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran di muka bumi.

Ayat di atas memperlihatkan kepada kita bahawa metod yang dianjurkan oleh Allah S.W.T.. dalam menegakkan kebenaran dan melarang kemungkaran bukan hanya dengan memberi peringatan, tunjuk ajar serta panduan tetapi ia perlu digabungkan dengan penguatkuasaan, arahan atau larangan yang memerlukan kepada kuasa.

Golongan ahli akademik yang terdiri dari para pensyarah adalah terlibat secara langsung dalam melaksanakan konsep *amar makruf* dan *nahi mungkar* di kalangan para pelajar. Seorang pensyarah yang benar-benar berjaya bukan hanya hebat memberi syarahan serta kefahaman kepada para pelajar, tetapi turut bertindak sebagai *mudarris* (tenaga pengajar) dan *murabbi* (pendidik). Pensyarah yang berjaya mendidik, menasihati serta memberi teguran kepada pelajarnya sehingga menjadi insan berguna adalah pensyarah yang cemerlang. Ini kerana beliau berjaya menerapkan konsep *amar makruf* dan *nahi mungkar* dalam tugasannya sebagai seorang pensyarah yang berkuasa terhadap anak didiknya dan bertanggungjawab sebagai seorang muslim kepada saudaranya seagama. Ia selari dengan pengiktirafan kejayaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. bagi golongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada perkara makruf dan melarang dari kemungkaran. (al-Sa'diy: 1/246).

## Menjaga Pemakanan Agar Halal dan Suci

Firman Allah S.W.T.:

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَآ أَضْنَعَافًا مُضَاعَفَةً وَأَنْقُوا اللَّهَ لِعْنَكُمْ تُقْلِحُونَ } [آل عمران: 130]

*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat kejayaan. (Ali Imran: 130)*

Allah menerangkan kepada hamba-Nya yang ingin menjadi insan berjaya perlu menjauhkan diri dari aktiviti riba. Ini merupakan satu simbolik secara langsung dari Allah S.W.T.. kepada setiap manusia agar memelihara pemakanan supaya sentiasa halal dan tidak terlibat dengan pemakanan haram atau dari sumber-sumber yang diharamkan oleh syarak. Sumber rezeki yang diperolehi dari hasil transaksi riba adalah diharamkan oleh syarak kerana mempunyai unsur-unsur penindasan. (al-Sa'diy: 1/255).

Seorang yang terlibat secara langsung dalam dunia akademik perlu menjaga pemakanan mereka agar jauh dari perkara yang diharamkan. Tidak melaksanakan tanggungjawab atas sebagai pensyarah atau tidak memberi kuliah yang sepatutnya tanpa sebarang alasan munasabah akan membawa kepada pemakanan yang haram akibat dari memakan gaji tanpa melaksanakan amanah yang sepatutnya. Ahli akademik yang berjaya sentiasa bersikap amanah dan berhati-hati melaksanakan tanggungjawab mereka. Pemakanan yang halal dan suci melahirkan insan berkualiti yang cemerlang.

## Bersabar, Bersiap Sedia dan Bertakwa kepada Allah

Firman Allah S.W.T.:

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَرَبِطُوا وَاصْبَرُوا وَلَا تَأْكُلُوا رِبَآ وَلَا تَنْقُوا اللَّهَ لِعْنَكُمْ تُقْلِحُونَ } [آل عمران: 200]

*Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu, tetaplah bersiap sedia (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya. (Ali Imran: 200)*

Allah S.W.T. memerintahkan hamba-Nya yang beriman agar bersabar, bersiap-sedia dan bertakwa kepada-Nya jika ingin menjadi insan yang cemerlang (Al-Khazandar: 79). "Al-Murabatah" yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah berjaga mengawasi sempadan peperangan. Ada pendapat mengatakan maksudnya ialah amalan berjaga menunggu di masjid untuk menuaikan solat ketika hampir masuk waktu.

Sifat sabar, peka dan sentiasa bersedia merupakan antara instrumen penting untuk mencapai kejayaan dalam semua lapangan. Sekiranya dalam peperangan dan dakwah memerlukan kepada tahap kesabaran yang tinggi begitulah juga dalam dunia akademik yang sangat mencabar. Seorang ahli akademik yang ingin maju dan berkembang dalam profesyonnya perlu menyiapkan pelbagai tugas ilmiah seperti memberi pengajaran yang berkualiti, membuat penulisan, penyelidikan, pembentangan kertas kerja dan lain-lain. Tugas-tugas ini tidak dapat direalisasikan dengan sempurna tanpa sifat sabar serta peka dengan perkembangan semasa.

## Sentiasa Mendekatkan Diri kepada Allah S.W.T.. dan Berjihad di Jalan-Nya

Firman Allah S.W.T.:

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْفَلْقُ لِلْكُفَّارِ فَلَا يَرْجِعُونَ} [آل مائدah: 35]

*Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya dan berjihadlah di jalan-Nya, supaya kamu mendapat kejayaan. (Al-Maidah: 35)*

Dalam ayat di atas Allah S.W.T. menuntut orang yang beriman agar bertakwa, menghampirkan diri kepada-Nya melalui proses amal ibadah serta kerja laku yang diredhai-Nya. Mereka perlu berjihad menentang musuh-musuh Allah dan berjihad melawan hawa nafsu untuk menjadi insan cemerlang. (Al-Tabariy: 4/566)

Ahli akademik yang berjaya ialah mereka yang berusaha menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. sama ada melalui ibadah khusus seperti solat atau melalui ibadah umum seperti kerja berbentuk keduniaan dan dilakukannya kerana Allah S.W.T.. Mereka tidak leka sehingga mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah walaupun berada dalam kesibukan dunia akademik.

Mereka berjuang menghadapi cabaran hawa nafsu yang sentiasa inginkan kepada kesenangan dan kerehatan dengan melibatkan diri dalam bidang penulisan, penyelidikan dan tugas-tugas akademik yang lain. Ahli akademik yang banyak membuat kerja-kerja ilmiah tetapi lalai dan tidak melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah S.W.T.. tidak dianggap sebagai seorang yang cemerlang mengikut penilaian syarak. Pencapaian yang dicapai itu tidak seimbang dan hanya memenuhi tuntutan dunia yang bersifat sementara.

## Menjauhkan Diri dari Maksiat dan Syirik.

Firman Allah S.W.T.:

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرَ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْنٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ} [آل مائدah: 90]

*Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (membuat korban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk dari perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat kejayaan. (al-Maidah: 90).*

Orang yang berjaya dengan sempurna dalam kehidupannya sentiasa menjauhkan diri dari maksiat kepada Allah S.W.T. serta memastikan dirinya tidak terlibat dengan sebarang jenayah syirik. Antara maksiat yang merosakkan masa depan seseorang ialah jenayah minum arak dan berjudi. Minum arak adalah ibu segala kejahatan. Berpunca dari minum arak seseorang boleh melakukan jenayah yang lebih besar dan terpesong dengan lebih jauh. Amalan membuat korban untuk selain dari Allah S.W.T. serta menilik nasib adalah antara jenayah yang sangat berat kerana boleh merosakkan akidah seseorang dan menjadikannya murtad. (Al-Sa'diy: 1/502).

Ahli akademik yang ingin maju dan berjaya perlu berusaha memelihara diri agar tidak terlibat dengan maksiat serta jenayah syirik sama ada disedari atau tidak. Seorang yang maju dalam dunia akademik tetapi sentiasa melakukan maksiat akan gagal di akhirat dan tergolong dari kalangan mereka yang rugi.

## Menjauhi Perkara Keji dan Mempunyai Akal Fikiran yang Bersih.

Firman Allah S.W.T.:

{فَلَا يَسْتُوِي الْخَيْرُ وَالظَّنِّ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كثُرَةُ الْخَيْرِ فَإِنَّمَا اللَّهُ يَأْتِي الْأَلْبَابَ لِعَلَّكُمْ تَفَلَّحُونَ} [المائدة: 100]

*Katakanlah: "Tidak sama yang buruk dengan yang baik, meskipun yang buruk itu lebih banyak menarik hatimu. Maka bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang berakal, agar kamu mendapat kejayaan." (Al-Maidah: 100)*

Insan yang cemerlang tidak melakukan perkara-perkara buruk walaupun ia lebih disukai. Perkara keji yang perlu ditinggalkan ialah dari semua bentuk sama ada perkataan keji, perbuatan, pemakanan, tabiat atau gaya hidup yang tidak baik (Al-Jaza'iriy: 2/18). Memelihara diri dari terlibat dengan perkara-perkara yang keji akan menghasilkan pemikiran yang bersih, sihat, cergas dan rasional.

Seorang ahli akademik yang inginkan kecemerlangan perlu memiliki beberapa kriteria seperti mempunyai tabiat yang baik, budaya yang sihat dan pemikiran yang jernih. Kriteria yang baik ini amat membantu dalam menghasilkan kerja yang berkualiti.

## Mempunyai Pahala yang Banyak dan Timbangan Kebaikan yang Berat

Firman Allah S.W.T.:

{وَالْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ فَمَنْ نَعْلَمْتُ مَوَازِيلَهُ قَاتِلِنَكَ هُمُ الْمُقْلُحُونَ} [الأعراف: 8]

*Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan). Maka barangsiapa timbangan kebaikannya berat, maka mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-'A'raf: 8)*

Kejayaan sebenar ialah kejayaan yang seimbang antara dunia dan akhirat. Orang yang cemerlang di akhirat ialah yang mempunyai timbangan amalan yang berat hasil dari amal ibadah sewaktu di dunia. (Al-Tabariy: 5/433) Timbangan yang berat boleh didapati dari pelaksanaan ibadah wajib kepada Allah S.W.T.. dengan sempurna, amalan-amalan sunat serta kerja-kerja dunia yang dilakukan ikhlas kerana Allah S.W.T.. Kecemerlangan seseorang tidak dinilai dari aspek kekayaan material atau ketinggian pangkat dan darjah tetapi dilihat kepada tahap kebaikan yang dilakukan.

Ahli akademik yang cemerlang pada nilai Islam bukan sekadar memperolehi markah yang tinggi dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) atau keputusan cemerlang dalam ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), tetapi juga memperolehi timbangan yang berat hasil dari amal kebaikan yang banyak. Ganjaran yang diperolehi dari amal kebaikan mencakupi kebaikan dalam hubungan manusia dengan Allah serta hubungan sesama manusia dan alam. Selain mempunyai penulisan dan penyelidikan yang banyak serta proses pengajaran yang berkualiti, ahli akademik juga perlu menjadi seorang hamba Allah yang banyak melakukan ibadat di samping tidak mengabaikan suruhan Allah dan Rasul-Nya.

## Mengingati dan Mengenang Nikmat Allah

Firman Allah S.W.T.:

{أوْ عَجِّيْتُمْ أَنْ جَاءَكُمْ ذَكْرٌ مِّنْ رَبِّكُمْ عَلَى رَجُلٍ مِّنْكُمْ لِيُنذِّرَكُمْ وَإِذْكُرُوا إِذْ جَعَلْتُمْ خَلْقَاءَ مِنْ بَعْدِ قَوْمٍ ثُوْجَ وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ بِسُنْطَةٍ فَلَذِكْرُوا أَلَاءَ اللَّهِ لَعْلَكُمْ تَقْلِحُونَ} . [الأعراف: 69]

*Apakah kamu (tidak percaya) dan hairan bahawa datang kepadamu peringatan dari Tuhanmu yang dibawa oleh seorang lelaki dari kalanganmu untuk memberi peringatan kepadamu? Dan ingatlah kamu sekalian ketika Allah menjadikan kamu sebagai pengganti-pengganti (yang berkuasa) sesudah lenyapnya kaum Nuh dan Tuhan telah melebihkan bagi kamu kekuatan tubuh (daripada kaum Nuh itu). Maka ingatlah nikmat-nikmat Allah supaya kamu mendapat kejayaan. (Al-A'raf: 69).*

Allah S.W.T. mengurniakan kepada manusia nikmat yang sangat banyak. Nikmat yang melimpah ruah ini tidak dapat dihitung oleh manusia. Seorang yang ingin berjaya perlu sentiasa mengenang nikmat yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya dengan cara bersyukur. (Al-Sa'diy: 2/123).

Menjadi seorang pensyarah serta terlibat dalam dunia akademik merupakan satu nikmat besar yang sentiasa perlu diingati. Amalan bermuhasabah terhadap nikmat Allah S.W.T. menjadikan individu akademik lebih bersyukur dengan cara menjadi aktif dalam bidang akademik. Ahli akademik yang bersyukur sentiasa bermotivasi untuk membuat kajian, penulisan dan meningkatkan prestasi pengajarannya.

## Mengikut dan Mencontohi Rasulullah s.a.w.

Firman Allah S.W.T.:

{فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوا وَأَبْصَرُوا الظُّرُورَ الَّذِي أَنْزَلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُقْلِحُونَ} [الأعراف: 157]

*...Maka orang-orang yang beriman kepadanya memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (Al Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-'A'raf: 157)*

Allah S.W.T. menyatakan bahawa hambanya yang ingin tergolong dari golongan yang berjaya perlu mengikuti al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi dan mengamalkan Sunnah Nabi s.a.w. (Al-Shawkani: 2/ 368) Akhlak mulia Nabi s.a.w menggambarkan keseluruhan nilai positif yang terkandung dalam al-Quran. Antara tugas besar Nabi s.a.w ialah untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji. Justeru, sangat penting bagi seorang ahli akademik yang ingin berjaya mengikut amalan Nabi serta mencontohi akhlak mulia Baginda s.a.w.

## Bersifat Cekal, Tetap Pendirian dan Banyak Mengingati Allah

Firman Allah S.W.T.:

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيْتُمْ فَتَّةً فَاتَّبِعُوا وَإِذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعْلَكُمْ تَقْلِحُونَ} [الأنفال: 45]

*Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu memerangi suatu kumpulan (musuh), maka berteguhlah hati kamu dan sebutlah (nama) Allah sebanyak-banyaknya (memperbanyakkan zikir dan doa) agar kamu berjaya. (Al-Anfal: 45)*

Allah S.W.T.. memerintahkan seorang mukmin agar bersifat cekal dan menetapkan diri apabila berhadapan musuh dalam medan peperangan di samping sentiasa mengingati-Nya. (Al-Khazandar: 309) Sifat cekal dan amalan berzikir mengingati Allah S.W.T. merupakan pra syarat utama untuk mendapat kemenangan dalam peperangan. Sifat ini juga penting dimiliki oleh ahli akademik yang ingin berjaya dalam perjuangan akademik. Seorang ahli akademik sentiasa berada dalam medan perjuangan menghadapi musuh seperti hawa nafsu, sifat malas, syaitan dan pengaruh persekitaran yang menjadi halangan dari kemajuan dirinya. Keteguhan hati dan hubungan yang kuat dengan Allah S.W.T. dapat membantu ahli akademik dalam mengatasi segala dugaan dan cabaran.

Justeru, seorang pensyarah perlu menjadi ahli zikir yang cekal bagi mencapai hasratnya menjadi individu yang berjaya dalam lapangan akademik.

### Berjihad dengan Harta dan Jiwa Raga

Firman Allah S.W.T.:

{لَكُنَ الرَّسُولُ وَالنَّبِيُّنَ أَمْتُوا مَعَهُ جَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ وَأُولَئِنَّكُلُّهُمُ الْخَيْرَاتُ وَأُولَئِنَّكُلُّهُمُ الْمُفْلِحُونَ} [التوبه: 88]

*Tetapi Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya, mereka berjihad dengan harta dan diri mereka dan mereka itulah orang-orang yang memperolehi kebaikan dan mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-Taubah: 88).*

Rasulullah s.a.w dan para sahabat berjihad dan berjuang dengan harta dan diri mereka bagi menegakkan agama Allah S.W.T.. Mereka yang ikhlas berjuang dengan berkorban harta dan sepenuh jiwa raga dijanjikan oleh Allah S.W.T.. dengan kejayaan dan kebaikan di dunia dan di akhirat. (Al-Shawkani: 2/ 567)

Ayat di atas memberi pengajaran kepada kita bahawa untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, seseorang itu perlu berkorban dari 2 aspek utama iaitu material dan tenaga fizikal. Ahli akademik yang bercita-cita tinggi untuk maju dan berjaya perlu berusaha bersungguh-sungguh serta berkorban apa saja demi mencapai matlamat mereka. Pensyarah yang proaktif dalam melaksanakan tugasannya tidak terlepas dari dugaan sama ada berbentuk wang ringgit atau perasaan letih dan penat. Namun, semua bentuk dugaan akan menjadi indah dengan tercapainya kecemerlangan di dunia dan akhirat hasil dari pengorbanan yang telah dilakukan. Mendidik para pelajar menjadi insan cemerlang yang berguna, membuat penyelidikan dan kajian berkualiti dan membentang kertas kerja memerlukan kepada tahap pengorbanan yang tinggi terutamanya dari aspek tenaga dan kewangan.

### Menunaikan Solat, Beribadah kepada Allah dan Melakukan Kebaikan

Firman Allah S.W.T.:

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ كُفُّوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبِّكُمْ وَافْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ مُّتَلَقِّحُونَ} [الحج: 77]

Hai orang-orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhanmu dan lakukanlah kebaikan supaya kamu mendapat kejayaan. (Al-Hajj: 77)

Penekanan kepada ibadah solat adalah elemen yang sangat penting untuk mencapai kejayaan. Hal ini jelas didapati dari ungkapan Allah S.W.T. yang menyentuh secara terperinci rukun perbuatan dalam solat seperti rukuk dan sujud. Seorang yang menunaikan solat dengan sempurna akan mendapat kecemerlangan di akhirat kelak. (Al-Sa'diy: 3/306). Solat merupakan ibadah pertama yang akan dihitung oleh Allah S.W.T.. Kecemerlangan orang yang memelihara solat bukan hanya di akhirat malah akan diperolehi sejak berada di dunia lagi. Ibadah solat itu sendiri mengandungi unsur-unsur didikan yang boleh membawa kepada kecemerlangan seperti sifat jujur, amanah dan menepati masa.

Ahli akademik yang cemerlang ialah mereka yang bersungguh-sungguh melaksanakan tugas akademik dengan baik di samping tidak menggabaikan tanggungjawab beribadah kepada Allah S.W.T. terutamanya ibadah solat. Pensyarah yang benar-benar berjaya ialah pensyarah yang berusaha untuk solat berjemaah pada awal waktu dengan penuh khusyuk kepada Allah S.W.T..

### Memiliki Iman yang Sempurna

Firman Allah S.W.T.:

{قَدْ أَفَلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (1) الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاتِمُونَ (2) وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغُو مُغَرَّضُونَ (3) وَالَّذِينَ هُمْ لِلرِّزْكَةِ فَاعْلَمُونَ (4) وَالَّذِينَ هُمْ بِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ (5) إِلَى أَرْزَاقِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّمَا غَيْرُ مَلْوُمِينَ (6) فَمَنِ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ (7) وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاءُونَ (8) وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ (9) أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ (10) الَّذِينَ يَرْجُونَ الْفَرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (11) } [المؤمنون: 11-1] }

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya, orang-orang yang menjauahkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna, orang-orang yang menunaikan zakat, orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki (hamba); maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tidak dicela. Barangsiapa mencari yang di sebalik itu (zina dan sebagainya) maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanh (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang memelihara solatnya. Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi. (Yakni) yang akan mewarisi syurga Firdaus (dan) mereka kekal di dalamnya. (Al-Mukminun: 1-11)

Ciri utama insan cemerlang ialah memiliki iman yang sempurna. Seorang yang tidak sempurna imannya tidak dianggap cemerlang oleh Allah S.W.T.. Kesempurnaan iman terhasil jika seseorang itu memelihara dan melaksanakan solat dengan khusyuk, menjauhi perbuatan yang melalaikan, menunaikan zakat, menjauhi jenayah zina, melaksanakan amanah dan menunaikan janji. (Al-Jaza'iriy: 3/505).

Pensyarah yang cemerlang sentiasa prihatin memastikan imannya terpelihara dan meningkat. Mereka berusaha untuk khusyuk dalam solat, menunaikannya dengan sempurna, tidak membuang masa dengan perbuatan dan percakapan yang tidak berguna, mengeluarkan zakat, menjauhi maksiat, menunaikan hak dan amanah kepada mereka yang berhak termasuklah kepada para pelajar dengan mendidik dan memberi pengajaran yang baik serta menunaikan janji.

## Memelihara Pandangan dan Maruah Diri

Firman Allah S.W.T.:

{...وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَضْرُبْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ هُنَّ وَيَحْظَنْ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يَنْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَى مَا ظَهَرَ مِنْهُنَّ وَلَيَضْرِبْنَ بِخَمْرٍ هُنَّ عَلَى حَبْوَبِهِنَّ وَلَا يَنْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَى لِيَعْوَلَتَهُنَّ إِلَى أَبَائِهِنَّ إِلَى ابْنَاءِ بُعْوَلَتَهُنَّ إِلَى ابْنَاءِ بُعْوَلَتَهُنَّ إِلَى إِخْرَاجِهِنَّ إِلَى إِخْرَاجِهِنَّ إِلَى بَنِي أَخْوَاتِهِنَّ إِلَى نِسَانِهِنَّ إِلَى مَلْكَتِ أَيْمَانِهِنَّ إِلَى تَابِعِيْنَ غَيْرِ أَوْلِيِ الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ إِلَى الْمَطْلَقِ النِّسَاءِ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَزَّاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِنَ مِنْ زِينَتَهُنَّ وَتَوْنِوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَلْهَا الْمُؤْمِنُونَ لِعَلْمِكُمْ تَنْلَحُونَ} [النور: 31]

*...Dan katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak saudara lelaki mereka atau anak-anak saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya. (Al-Nur: 31)*

Allah memerintahkan kepada semua orang mukmin agar menjaga pandangan dan memelihara diri dari terlibat dengan maksiat perzinaan. Allah S.W.T. menyuruh mereka memelihara aurat terutamanya kaum wanita dari lelaki ajnabi. Selain itu mereka juga diminta bertaubat kepada-Nya agar tergolong dari golongan yang berjaya. (Al-Jaza'iriy: 3/567).

Pensyarah yang baik ialah mereka yang tidak melihat atau menonton perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak. Mereka sentiasa menjaga diri dari terlibat dengan pergaulan bebas yang boleh mendorong kepada perzinaan atau amalan homoseksual. Keadaan mereka sentiasa sibuk dengan tugas-tugas akademik dan amal ibadah kepada Allah S.W.T.. Masyarakat di sekeliling sentiasa memerhatikan tingkah laku golongan pensyarah kerana mereka amat disanjungi. Justeru, untuk mencapai kejayaan seorang ahli akademik perlu menjalani kehidupan yang sihat, bertaubat di atas dosa yang lalu dan memelihara kehormatan diri dari melakukan dosa pada masa akan datang.

## Mendengar dan Mentaati Allah dan Rasul-Nya

Firman Allah S.W.T.:

{إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَتَوَلَّوْا سَمْعَتَا وَأَطْعَنَا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ} (51) وَمَنْ يُطِعِ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَى اللَّهَ وَيَتَّقِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائزُونَ} (52)} [النور: 51-52]

Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin apabila mereka dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar (Rasul) menghukum (mengadili) di antara mereka, ialah ucapan: "Kami mendengar, dan kami patuh". Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya. Dan barang siapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya serta takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan. (Al-Nur: 51-52)

Tabiat seorang mukmin yang baik ialah sentiasa akur dan taat kepada segala perintah Allah dan Rasul-Nya. Mereka tidak mempersoalkan sebarang hukum yang ditetapkan oleh syarak

malah melaksanakannya dengan penuh redha walaupun tidak selari dengan kemahuannya. Mereka takut kepada Allah kerana dosa-dosa lampau yang telah dilakukan dan sentiasa bertakwa dengan memelihara diri dari segala dosa yang mungkin terjadi pada masa hadapan. Sifat taat, takut dan bertakwa kepada Allah ini merupakan salah satu faktor utama mendorong seseorang ke arah kecemerlangan. (Al-Sa'diy: 3/372).

Ahli akademik yang inginkan kecemerlangan sebenar perlu bersikap taat dan akur kepada perintah Allah S.W.T.. Mereka tidak tertipu dengan gelaran cerdik pandai sehingga menentang atau mempersoalkan peraturan dan syariat Allah S.W.T.. Mereka sedar untuk menjadi mungkin berjaya perlu taat kepada Allah dan Rasul-Nya dalam apa jua situasi kerana setiap tuntutan syarak pasti ada hikmah di sebaliknya.

### **Bertaubat, Beriman dan Beramal Soleh**

Firman Allah S.W.T.:

فَإِنَّمَا مَنْ تَابَ وَأَمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَعَسَى أَنْ يَكُونَ مِنَ الْمُفْلِحِينَ {القصص: 67} .

*Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal saleh semoga dia termasuk orang-orang yang berjaya. (Al-Qasas: 67)*

Setiap insan tidak terlepas dari melakukan dosa dan kesilapan. Insan yang paling baik ialah insan yang sentiasa bertaubat di atas kesilapan yang dilakukan. Dosa yang dilakukan kerana melanggar perintah Allah atau tidak melaksanakan hak Allah yang wajib seperti meninggalkan solat hendaklah bertaubat secara terus kepada Allah S.W.T.. Manakala kesilapan yang dilakukan sesama manusia perlu memohon kemaafan darinya secara khusus. Siapa yang sering bertaubat, beriman dan beramal soleh akan menjadi seorang yang berjaya di dunia dan di akhirat. (Al-Sa'diy: 4/34).

Pensyarah sebagai seorang biasa sering melakukan dosa dan kesilapan. Tambahan pula profesyen mereka banyak terlibat dengan manusia iaitu para pelajar yang menuntut dengannya. Untuk menjadi pensyarah yang cemerlang, perlu berusaha melaksanakan perintah Allah S.W.T.. dan menjauahkan diri dari larangan-Nya serta sentiasa bermuhasabah memohon keampunan dari Allah S.W.T.. di atas ketelanjurannya. Seterusnya, kesilapan itu disusuli dengan amal soleh sebagai menampung kembali kesalahan yang lalu.

### **Menunaikan Hak-hak Manusia**

Firman Allah S.W.T.:

فَلَاتَّ ذَا الْقَرْبَى حَقَّهُ وَالْمُسْتَكِنُونَ وَابْنُ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرُ الظَّبِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ {الروم: 38}

*Maka berikanlah hak kepada kerabat yang terdekat, kepada fakir miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan. Itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang mencari keredhaan Allah dan mereka lah orang-orang berjaya. (A-Rum: 38)*

Ayat di atas secara jelas menerangkan bahawa sifat atau amalan orang yang berjaya ialah orang yang menunaikan hak orang lain, membantu orang yang memerlukan dan mengeluarkan zakat kepada mereka yang berhak. (Al-Shawkani: 4/ 322).

Begitu juga ahli akademik yang inginkan kecemerlangan tidak boleh hidup bersendirian tidak bermasyarakat dan hanya mementingkan diri sendiri. Mereka perlu membantu golongan susah yang memerlukan. Pertolongan berbentuk kewangan ini boleh mendatangkan keberkatan dalam hidup terutamanya jika mereka yang mendapat bantuan itu mendoakan kesejahteraan dan kesenangan buat orang yang menghulurkan bantuan.

### **Menjadi Orang yang *Muhsin* (Orang yang Berbuat Baik)**

Firman Allah S.W.T.:

{تَلَكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ (2) هُنَّى وَرَحْمَةٌ لِلْمُخْسِنِينَ (3) الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالآخِرَةِ هُمْ يُوْقَنُونَ (4) أُولَئِكَ عَلَى هُنَّى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (5) } [Lqman: 2-5].

Inilah ayat-ayat *Al-Quran* yang mengandungi *hikmah*. Menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang melakukan kebaikan. (Iaitu) orang-orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka yakin adanya hari akhirat. Mereka itulah orang-orang yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan mereka lah orang-orang yang berjaya. (*Luqman*: 2-5)

Orang yang *muhsin* ialah orang yang membuat kebaikan seperti mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan yakin tentang kewujudan hari akhirat. Mereka mendapat hidayah dari Allah S.W.T. dan tergolong dari golongan orang yang berjaya. (*Al-Jaza'iriy*: 4/198).

Ahli akademik akan menjadi insan cemerlang jika banyak melakukan kebaikan. Memberi didikan yang baik kepada para pelajar, membuat kajian dan penyelidikan ilmiah juga salah satu dari bentuk kebaikan yang boleh dimanfaatkan. Tetapi skop kebaikan yang boleh dilakukan oleh para pensyarah seharusnya tidak terbatas dalam lingkungan persekitaran tempat kerja mereka sahaja. Malah mencakupi kebaikan lain seperti kebaikan untuk keluarga, jiran tetangga dan masyarakat.

### **Tidak Mengasihi Orang yang Menentang Allah dan Rasul-Nya**

Firman Allah S.W.T.:

{لَا تُحِدُّ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْقَوْمُ الْآخَرُ نُؤَدُّونَ مِنْ حَادَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَوْ كَانُوا أَبْاءَهُمْ أَوْ إِخْرَانُهُمْ أَوْ عَشِيرَتُهُمْ أُولَئِكَ كُنْتُمْ فِي قَلْوَبِهِمُ الْإِيمَانُ وَأَيَّدْتُمُ بِرُوحِ مَتَّهُ وَيَدْخُلُهُمْ جَنَّاتٍ ثَجَّارِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ الَّذِينَ حِزْبُ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ } [المجادلة: 22].

Kamu tak akan mendapati kaum yang beriman pada Allah dan hari akhirat saling berkasih-sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya sekalipun orang-orang itu bapa-bapa atau anak-anak atau saudara-saudara ataupun keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang telah menanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripada-Nya. Dan Dia memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. (dan) mereka kekal di dalamnya. Allah redha terhadap mereka dan mereka pun merasa puas terhadap (limpahan rahmat)-Nya. Mereka itulah golongan (pengikut) Allah. Ketahuilah, sesungguhnya hizbulullah (parti Allah) itu adalah golongan yang berjaya. (*Al-Mujadalah*: 22)

Mematuhi perintah Allah S.W.T. merupakan suatu perkara yang tidak ada kompromi. Seorang muslim wajib melaksanakan suruhan Allah dan tidak boleh menolak suatupun dari perintah-

Nya. Malah, tidak boleh menyokong atau bersekongkol dengan siapa yang menentang syariat Allah S.W.T.. Setiap perkara yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. bertujuan mendatangkan kebaikan dan menjauhkan kemudarat dari hamba-Nya. Orang yang berjaya pada pandangan Allah S.W.T.. tidak menyukai golongan yang menentang syariat Allah dan Rasul-Nya. Mereka cuba sedaya upaya untuk tidak terlibat dengan aktiviti yang boleh mengundang kemurkaan Allah S.W.T.. (Al-Sa'diy: 5/ 195).

Ahli akademik yang ingin cemerlang tidak boleh menjalinkan hubungan kasih sayang yang rapat dengan mana-mana pihak yang menentang agama Allah dan Rasul-Nya. Mereka dilarang menggunakan kepandaian yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. untuk mencabar atau melawan syariat Islam. Diri mereka sentiasa dipenuhi perasaan redha dengan cara hidup dan peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T.. Amalan ini melayakkan mereka mendapat kejayaan di dunia dan syurga Allah di akhirat kelak.

### Bersifat *Ithar* (Mengutama dan Mendahulukan Orang Lain)

Firman Allah S.W.T.:

{وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْيَمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُجْنُونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُتُوا وَيُؤْتَرُونَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاَّةٌ وَمَنْ يُوقَ شَعْرَقُسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُقْلَحُونَ} [الحشر: 9].

Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (*Ansar*) sebelum (kedatangan) mereka (*Muhajirin*), mereka (*Ansar*) 'mencintai' orang yang berhijrah kepada mereka (*Muhajirin*). Dan mereka (*Ansar*) tidak menaruh keinginan dalam hati terhadap apa yang diberikan kepada mereka (*Muhajirin*) dan mereka mengutamakan (orang-orang *Muhajirin*) atas diri mereka sendiri sekalipun dalam kesusahan. Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-Hasyr: 9).

Sifat *al-ithar* merupakan sifat yang mulia. Mengikut sejarah sepetimana yang dikhabarkan oleh Allah S.W.T.. bahawa orang Ansar yang menetap di Madinah telah menunjukkan contoh sifat yang baik dengan mengutamakan kebaikan orang muhajirin (orang yang berpindah dari mekah) lebih dari diri mereka walaupun semasa dalam kesusahan. Golongan yang bersifat *ithar* dan tidak kedekut ini dikategorikan oleh Allah S.W.T. sebagai seorang yang cemerlang. (Al-Shawkani: 5/ 282).

Kecemerlangan akademik akan dicapai oleh pensyarah sekiranya mereka bersifat *al-ithar* (mengutamakan kebaikan untuk orang lain), tidak mementingkan diri sendiri dan prihatin kepada maslahat orang ramai. Mereka juga memperuntukkan sebahagian daripada masa untuk menyumbangkan kebolehan dan kapakaran kepada pembangunan pelajar serta kepada pembangunan masyarakat luar.

### Bergerak Aktif di Muka Bumi Mencari Rezeki Kurniaan Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T.:

{فَإِذَا فُضِّلَتِ الصَّلَاةُ فَاتَّشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَإِنْتُمْ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ} [الجمعة: 10]

Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurniaan Allah serta banyakkanlah ingatlah Allah supaya kamu berjaya. (Al-Jum'ah: 10)

Allah S.W.T. menyuruh hamba-Nya berusaha mencari rezeki tanpa mengabaikan tanggungjawab beribadah kepada-Nya. Mengingati Allah dan berzikir kepada-Nya juga merupakan motivasi yang efektif bagi mendorong seseorang ke arah kecemerlangan. (Al-Jaza'iriy: 5/350).

Pensyarah yang ingin maju sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang perlu berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ahli akademik dengan baik. Mereka perlu bersungguh-sungguh dalam memberi pengajaran, menghasilkan kajian, memberi sumbangan kepada para pelajar dan masyarakat serta menyertai pelbagai latihan bagi mencapai sasaran kerja tahunan atau lebih dari sasaran yang difokuskan. Mereka melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh amanah dan tidak leka untuk menunaikan ibadah dan mengingati Allah S.W.T..

### **Bersifat Pemurah**

Firman Allah S.W.T.:

{فَانْتَوْا اللَّهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَاسْمَعُوا وَاطِّبُعُوا وَلَنْقُوْا خَيْرًا لِلْأَنْفُسِكُمْ وَمَنْ يُوقَ شَحًّا نَّفَسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُنْقَلِبُونَ} [التغابن:16]  
Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut keupayaanmu dan dengarlah, taatlah serta nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya maka mereka itulah orang-orang yang berjaya. (Al-Taghabun: 16)

Rahsia kecemerlangan seseorang yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. ialah bertakwa kepada-Nya, taat, patuh dan bersifat pemurah memberi sedekah kepada golongan yang memerlukan. (Al-Sa'diy: 5/ 248).

Tips ini amat berguna bagi semua orang yang ingin berjaya dalam pelbagai bidang dan lapangan seperti ahli perniagaan, perusahaan dan lain-lain termasuklah ahli akademik. Pensyarah juga perlu menjadi seorang yang pemurah dan tidak kedekut sama ada dari segi kewangan maupun dari segi ilmu yang dicurahkan. Meskipun kaitan sifat pemurah dengan kecemerlangan diri seorang pensyarah agak sukar dilihat, namun sebagai seorang Islam perlu meyakini perkara tersebut kerana ia adalah janji Allah S.W.T. yang memberi rezeki serta kejayaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

### **Menyuci dan Membersihkan Jiwa**

Firman Allah S.W.T.:

{فَذَلِكَ أَفْلَحَ مَنْ تَرَكَ (14) وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى (15)} [الإعلى: 14-15]

Sesungguhnya berjayalah orang yang membersihkan diri (dengan beriman). Dan dia ingat nama Tuhan-Nya, lalu dia solat. (Al-'A'la: 14-15)

{فَذَلِكَ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا (9) وَذَلِكَ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا (10)} [الشمس: 7-10]

Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya. ( Al-Shams: 9-10)

Hati yang suci adalah salah satu faktor penting menjadikan seseorang berjaya dalam kehidupan. Seorang muslim yang cemerlang menjaga kebersihan diri dan memiliki hati yang suci dari syirik dan sifat yang keji seperti hasad dengki, riak, ujub sum'ah dan takabbur. Penyucian diri dapat dihasilkan dari amal ibadah yang dilakukan ikhlas kerana Allah S.W.T.. (Al-Sa'diy: 5/384& 399).

Pensyarah yang bercita-cita untuk berjaya dengan cemerlang perlu memiliki kebersihan diri dari segi zahir dan batin, rohani dan jasmani. Jiwa yang suci dalam diri ahli akademik hasil dari melakukan amal ibadah serta menjauhi larangan Allah menjadikannya sentiasa sibuk dengan tugas ilmiah dan perkara yang bermanfaat. Mereka tidak mempunyai masa untuk mengata atau berasa dengki kepada orang lain. Justeru, tumpuan kepada perkara-perkara yang membawa kepada kecemerlangan akademik dapat dilaksanakan dengan baik.

### **Transformasi Pendidikan Tinggi**

Transformasi pendidikan tinggi merupakan fenomena global bagi menghadapi sistem ekonomi tanpa sempadan dan dunia digital yang lebih kompetitif. Universiti Oxford yang berada di tangga kedua dunia (THES 2007) sedang berusaha untuk melakukan transformasi universiti mereka, maka tidak hairanlah negara membangun seperti Malaysia perlu bersedia dan mengatur langkah untuk membuat perubahan.

Perubahan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993), “menukar kebiasaan serta rutin dan bertindak serta berfikir menurut cara-cara lain”. Ianya membawa maksud perubahan tersebut merupakan satu proses untuk menukar sikap dan amalan lama dan diganti pula dengan sikap , nilai dan amalan yang baru sesuai dengan tuntutan dan cabaran zaman.

Walau apapun perubahan yang dilakukan, ianya perlu mengambil kira peranan keseimbangan di dalam pendidikan. Pendidikan sebagaimana yang ditakrifkan sebagai “memanusiakan manusia seutuh dan setulennya” itu (Rasid, 2003), merupakan wadah penting pembentuk generasi. Tidak hairanlah jikalau Saidina Umar pernah mengungkapkan, “Ajarilah anak kamu dengan betul kerana mereka dilahirkan bukan untuk zaman kamu”. Begitu juga dengan pepatah Cina yang pernah menyatakan, “Jikalau kamu merancang untuk satu tahun tanamlah gandum, jikalau kamu merancang untuk sepuluh tahun tanamlah pokok, dan jikalau kamu merancang untuk seribu tahun, tanamlah manusia”. (Khurshid Ahmad : 1978). Jika mahu melahirkan modal insan berpersonaliti unggul, pendidikan adalah wadah yang terpentingnya dan proses pendidikan ini memerlukan jangka masa yang amat panjang. Oleh itu strategi transformasi juga tidak hanya berdasarkan pendekatan luaran, malahan perlu juga mengambil kira persoalan kerohanian.

### **Transformasi Berasaskan Al-Fala:h**

Melakukan perubahan bukanlah satu proses yang mudah. Terdapat pelbagai pendekatan yang dilakukan untuk menangani dan memandu perubahan. Perancangan strategik merupakan satu kaedah untuk memajukan sesebuah organisasi, serta menangani perubahan yang berlaku. Pemikiran strategik seperti mana yang dinyatakan oleh Dixit dan Nellbuff (1991) sebagai “satu seni atau kemahiran mengatasi lawan”.

Menurut Gibson, Strateplan dan Tradenz, (1993), perancangan strategik mempunyai kepentingan dan kekuatan yang tersendiri. Di antaranya ialah; sesebuah organisasi boleh meramal dan merancang masa hadapan; membolehkan organisasi membuat dan mengetahui isu yang perlu diberi keutamaan organisasi; membantu organisasi membuat keputusan yang berkesan dan tepat; membolehkan organisasi menangani perubahan, dan membolehkan organisasi memanfaatkan

sumber yang ada untuk mencapai matlamat yang digariskan dan membolehkan organisasi membuat dan merangka visi dan strategi untuk memajukan organisasi.

Gibson, Strateplan dan Tradenz (1993), mengusulkan pendekatan analisis SWOT untuk tujuan tersebut. SWOT itu merujuk kepada S bermaksud strength (kekuatan), W merujuk kepada "weaknesses" (kelemahan), O merujuk kepada "opportunities" (peluang) dan T merujuk kepada "threats" (ancaman atau cabaran). Walaupun bagi sesetengah orang pendekatan analisis SWOT ini sudah ketinggalan zaman, namun ianya masih punya kekuatan dan mudah untuk diaplikasikan.

Pelan strategik Pengajian Tinggi Negara menggariskan matlamat pengajian tinggi secara komprehensif, iaitu untuk menghasilkan graduan berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Selain itu graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif, menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagaimana asas kehidupan dan mampu untuk memberi sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.

Berasaskan kepada fokus nilai-nilai murni yang terdapat di dalam pelan strategik ini, maka amat wajar bagi UiTM memfokuskan pengajaran *al-Fala:h* yang terdapat dalam al-Quran sebagai strategi utama membina kecemerlangan dalam pendidikan .

UiTM adalah institusi pengajian tinggi yang menawarkan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar-pelajarnya bermula dari peringkat sijil hingga ke peringkat tertinggi. Dalam konteks ini, pelajar adalah merupakan pelanggan utama UiTM manakala pensyarahnya pula adalah merupakan tenaga kerja untuk mendidik dan mengajar bangsa Melayu dan kaum bumiputera agar menjadi insan yang berusaha, bertakwa dan mulia. Justeru itu, cabaran pensyarah sebenarnya bukanlah semata-mata untuk mendidik dan mengajar pelajar menjadi cemerlang di bidang akademik sahaja malah yang lebih penting dari itu ialah usaha secara berterusan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan positif yang sentiasa berlandaskan hukum dan aqidah Islam.

Persoalan *al-fala:h* yang terdapat di dalam al-Quran ini amat relevan dengan kecemerlangan yang sepatutnya di dalam dunia akademik dan juga dalam kehidupan secara amnya. Kecemerlangan yang dimaksudkan ialah cemerlang di dunia dan akhirat. Ia juga bersesuaian dengan konsep "*tawazun*" bermaksud keseimbangan antara akal dan hati nurani, antara penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan nilai-nilai moral dan fikir dengan zikir. (Majid Ersan al-Kalani : 10).

## Kesimpulan

Kecemerlangan merupakan satu keperluan jika umat Islam ingin menjadi ummah yang berkualiti dan bermaruah. Ianya perlu bertunjangkan kekuatan dalaman dan kemantapan jiwa serta kemahiran semasa yang sesuai dengan cabaran dan tuntutan zaman.

Sesungguhnya insan yang berkualiti tinggi amat didambakan oleh umat kerana insan sedemikian mampu menyumbang ke arah kemajuan agama, bangsa dan negara. Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T.. telah menjelaskan bahawa semua benda di sekeliling manusia akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah S.W.T.. adalah kekal sebagaimana firman Allah S.W.T.. dalam surah Al-Nahl : 96 yang bermaksud;

*"Apa yang di sisimu akan lenyap dan apa yang ada di sisi Allah adalah kekal".*

Sesungguhnya tugas sebagai seorang pendidik sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi adalah sungguh mulia. Kemuliaan yang diperolehi tentunya bersandarkan kepada aspek-aspek tertentu yang terdapat di dalam Islam. Dengan berdasarkan kupasan kertas kerja ini ianya sedikit sebanyak dapat menyatakan perkara-perkara yang perlu ditekankan seperti perkataan *al-fala:h* yang terdapat di dalam al-Quran.

Oleh itu, sebagai tenaga pengajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tidak dapat tidak kita semua mestilah menghayati konsep *al-fala:h* iaitu kecemerlangan yang seimbang di dalam kehidupan. Insya'allah akan lahir dari UiTM modal insan yang bertaqwa.

## Rujukan

Al-Quran .

Al-Quran al-Karim. 1990. *Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Al-Shawkani, Muhammad bin Ali. 1992/ 1413H. *Fath Al-Qader al-Jami' baina al-Riwayah Wa al-Dirayah min Ilm al-Tafsir*. Al-Maktabah al-Tijariyyah. Makkah al-Mukarramah.

Al-Sa'diy, Abd al-Rahman bin Nasir. 1995/ 1415H. *Taysir al-Kareem al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Maanan*. Dar al-Fikr. Bayrut.

Al-Khazandar, Mahmud Muhammad. 1997/ 1418H. *Hazih Akhlaquna Hiina Nakunu Mu'minan Haqqa*. Dar Tayyibah. Al-Riyadh.

Al-Tabariy, Abi Ja'far Muhamad bin Jarir. 1992 / 1412H. *Tafsir al-Tabriy al-Musamma Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bayrut.

Al-Jaza'iriyy, Abi Bakr Jabir. 1997 /1418H. *Aisar al-Tafasir Li Kalam al-Aliy al-Kabir*. Maktabat al-Ulum Wa al-Hikam. Al-Madinah al-Munawarah.

Al-Raghib Al-Asfahani. 2005. *Mufrad:at Alfa:z Al-Qura:n*. Dar al-Qalam. Damsyik.

Dixit A, & Nalebuff. B. 1991. *Thinking Strategically*, New York, W.W Norton and Company.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Zayyat, Hamid Abd Qadir dan Muhammad Ali al-Najjar. 1989. *al-Mu'jam al-Wasit*, Turki : Dar al-Da'wah.

Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gipson R., Straplan dan Tradenz. 1993. *Strategic Planing*, New Jersey,Prentice Hall.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Falsafah Pendidikan Negara*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khurshid Ahmad. 1974. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*, ABIM, Kuala Lumpur.

- Majid Ersan al-Kalani. 1997. *Mendidik Peribadi Muslim*, Terjemahan Muhammad Firdaus, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Muhammad Fuad al-Baqi .1994. *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfa:z al-Qura:n al-Kari:m*, Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Rasid Muhamad. 2003. *Pendidikan Agama dan Nilai : Satu Penegasan Semula dalam konferansi Akademik 2003*, Anjuran UiTM Pahang, di Holiday Villa Cherating, Kuantan, 5-7hb Disember 2003.

---

ASJAD MOHAMED, MOHD KAMAL AZMAN JUSOH, Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU), UiTM Pahang. [asjad@pahang.uitm.edu.my](mailto:asjad@pahang.uitm.edu.my)

SAIFUL JOHARI MUSAHAR, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Pahang. [saiful@pahang.uitm.edu.my](mailto:saiful@pahang.uitm.edu.my)